



**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN  
(NATIONAL OCCUPATIONAL SKILL STANDARD)**

**STANDARD PRACTICE**

**OPERASI PENGELUARAN TANAMAN**

**TAHAP 3**



**JPK**

**DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT (DSD)**

**MINISTRY OF HUMAN RESOURCES (MOHR)**

**STANDARD PRACTICE**  
**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)**  
**NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS) FOR;**  
**OPERASI PENGELUARAN TANAMAN / CROP PRODUCTION OPERATION**  
**TAHAP 3 / LEVEL 3**

## 1. PENGENALAN

Sektor pertanian merupakan sektor penting yang memberi sumbangan utama kepada pembangunan ekonomi Negara. Kerajaan telah merancang untuk menjadikan sektor ini sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah memperluaskan tanggungjawab Kementerian Pertanian untuk merangkumi bidang industri asas tani. Tujuannya ialah supaya sektor pertanian dan industri asas tani dimajukan berdasarkan semua aspek pengurusan rantai bekalan (*supply chain management*), iaitu dari peringkat pengeluaran benih, pengeluaran (*production*), pengendalian lepas tuai, penyimpanan, logistik, penggredan, pelabelan, pembungkusan, pengangkutan, peruncitan, pemborongan, pemasaran, penjenamaan (*branding*), pemerosesan sehingga dijual kepada pengguna (*from farm to table*). Selain daripada pengeluaran pertanian, fokus masa hadapan akan diberi kepada industri asas tani yang boleh disertai oleh industri kecil dan sederhana terutamanya dalam bidang-bidang tambah nilai (*value added*) yang baru.

Berasaskan kepada Dasar Pertanian Negara Ketiga dan untuk menangani isu-isu dalam dan luar negara, sektor pertanian dan industri asas tani akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha berikut iaitu meningkatkan daya saing pengeluaran makanan, mengurangkan defisit imbalan dagangan untuk makanan, meningkatkan pelaburan swasta, membangunkan sumber manusia mahir, bekerjasama dengan kerajaan negeri dan memperkemas sistem penyampalan perkhidmatan sektor awam.

Pembangunan sektor pertanian dapat menjamin hasil yang lumayan dan punca pendapatan yang stabil tanpa mengakibatkan pencemaran alam yang teruk seperti pengaruh luar yang negatif daripada pembangunan perindustrian yang pesat. Pembangunan sektor pertanian dapat menjaga kepentingan keseimbangan ekologi. Sektor pertanian melibatkan aktiviti-aktiviti seperti penanaman, penyuburan tanah, pembaikan struktur tanah dan sebagainya dapat menjamin hasil ekonomi yang lumayan di samping mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Pada tahun 2010, nilai pengeluaran kasar daripada Banci Ekonomi 2011 untuk sektor pertanian adalah sebanyak RM53,452.1 juta. Penyumbang utama pengeluaran dalam sektor pertanian adalah subsektor tanaman dengan RM37,275.6 juta, diikuti perhutanan & pembalakan (RM8,111.0 juta), ternakan (RM6,591.5 juta) dan akhir sekali perikanan (RM1,474.1 juta). Bidang pertanian dilihat dapat **mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan** dari negara lain. Kebanyakan bahan makanan asas seperti beras, kopi, koko dan bijirin yang lain sesuai ditanam di negara ini. Jika keperluan dalaman rakyat Malaysia adalah mencukupi, maka kita tidak perlu mengimport bahan makanan ini daripada negara luar. Pertanian juga dilihat sebagai salah satu cara untuk **menggalakkan pengaliran wang masuk** melalui pengeksporan hasil pertanian ini ke negara-negara luar. Selain itu juga, bidang pertanian juga akan **membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat**. Mengikut bancian yang dibuat, jumlah tenaga pekerja di sektor pertanian pada 2010 adalah dianggarkan

seramai 390,708 orang. Kategori pekerja bergaji adalah seramai 384,769 (98.5%) dan hanya 5,939 orang (1.5%) adalah pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji. Daripada jumlah tenaga pekerja itu, 318,583 (81.5%) adalah pekerja lelaki dan selebihnya (18.5%) adalah pekerja wanita.

Pertanian juga turut **memberi keuntungan yang besar kepada pelabur dan pengusaha** yang melakukannya. Sekiranya pengusaha menitik beratkan aspek kuantiti dan kualiti, maka harga pasaran hasil yang akan dijual sudah tentu akan meningkat. Bagi menambahkan lagi daya saing produk yang dihasilkan, proses tambah nilai dalam aspek pemprosesan, penggredan, pembungkusan dan pemasaran perlu juga diberikan keutamaan.

Kerajaan menggalakkan usahawan, petani dan pekebun kecil agar dapat mengoptimumkan amalan agronomi yang baru, pengurusan ladang secara moden, penggunaan jentera baru dan teknologi terkini serta menggiatkan **Amalan Pertanian Baik (APB)** atau juga dikenali sebagai Good Agricultural Practices (GAP). APB merupakan satu pendekatan dalam sistem pengembangan pertanian Jabatan Pertanian Malaysia bertujuan untuk memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan. APB merangkumi pengurusan ladang yang lebih mesra kepada alam sekitar. APB juga bertindak memastikan amalan-amalan yang dilaksanakan oleh pengusaha ladang semasa proses pengeluaran dan pengendalian hasil bagi ladang adalah berkualiti, produk yang dikeluarkan selamat dimakan dan tidak menimbulkan risiko kepada alam sekitar dan juga pekerja ladang.

Kesimpulannya, kepentingan pembangunan sektor pertanian tidak harus dikesampingkan dan fokus kepada pembangunan perindustrian untuk mewujudkan sebuah negara yang stabil dari segi kewangan, ekonomi dan politik. Pembangunan yang seimbang inilah yang merupakan langkah yang besar oleh negara kita dalam menuju ke Wawasan 2020.

## Pra-syarat

Keperluan minimum bagi mereka yang berminat untuk mengikuti dunia pekerjaan ini adalah seperti berikut:

- Sihat mental dan fizikal
- Boleh membaca, menulis dan mengira

## 2. STUKTUR PEKERJAAN

Operasi Pengeluaran Tanaman Tahap 3 adalah dari Sub-Sektor Tanaman Makanan & Hiasan seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.0 dan rajah 1.1 di bawah;

### Justifikasi Pengecutan tahap 1, 2 dan 3

Barisan panel pakar berpendapat bahawa kompetensi tahap perlu digabungkan adalah berdasarkan skop kerja yang sama bagi setiap tahap. Operasi penanaman akan menjadi lebih teratur dari susunan kerja (terperinci) serta dapat menjadikan kerja tanaman ini lebih berdaya saing.

<b>Tanaman Makanan &amp; Hiasan (Crop-Food &amp; Ornamental)</b>		
L5	<b>Y-050-5</b> Pengurus Ladang Pertanian <i>Agriculture Farm Manager</i> (17-04-2003)	<b>AF-010-5</b> Pegawai Teknologi (Fertigasi) <i>Technology Officer (Fertigation)</i> (25-10-10)
L4	<b>Y-050-4</b> Eksekutif Pertanian <i>Agriculture Executive</i> (17-04-2003)	<b>AF-010-4</b> Penolong Pegawai Teknologi (Fertigasi) <i>Assistant Technology Officer</i> (Fertigation) (25-10-10)
L3	<b>Y-050-3</b> Juruteknik Pertanian <i>Agriculture Technician</i> (17-04-2003)	<b>AF-010-3</b> Penyelia Tanaman <i>Crops Supervisor</i> (22-11-2007)
L2	<b>AF-010-2</b> Juruteknik Tanaman <i>Crops Technician</i> (22-11-2007)	
L1	<b>Y-050-1</b> Pekerja Ladang Pertanian <i>Agriculture Farm Worker</i> (17-04-2003)	<b>AF-010-1</b> Pekerja Am Tanaman <i>Crops General Worker</i> (22-11-2007)

Rajah 1.0 : Stuktur Pekerjaan Tanaman Mengikut Tahap

Tanaman Makanan & Hiasan (Crop-Food & Ornamental)		
L5	PENGURUSAN TEKNOLOGI TANAMAN	AF-010-5 Pegawai Teknologi (Fertigasi) <i>Technology Officer (Fertigation)</i> (25-10-10)
L4	PENYELARASAN TEKNOLOGI TANAMAN	AF-010-4 Penolong Pegawai Teknologi (Fertigasi) <i>Assistant Technology Officer</i> (Fertigation) (25-10-10)
L3	OPERASI PENGELUARAN TANAMAN	
L2	EMBEDDED	
L1	EMBEDDED	

Rajah 1.1 : Stuktur Kawasan Pekerjaan Tanaman Tahap 3

### 3. DEFINISI TAHAP KOMPETENSI

SKPK ini dibangunkan meliputi pelbagai bidang pekerjaan. Calon-calon yang akan di tauliahkan mestilah menjalani latihan dan dilatih pada setiap tahap untuk mengesahkan kompetensi bidang tersebut. Berikut adalah rujukan persijilan mengikut tahap yang ditentukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1:	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2:	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja didalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3:	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja didalam pelbagai konteks, kebanyakannya adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, disamping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4:	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan professional yang luas skop dan konteksnya. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, bertanggungjawab

terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber.

Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5: Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks, di dalam yang luas serta selalu yang tidak dijangka. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber, juga bertanggungjawab terhadap analisis, diagnosis, rekabentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian.

#### **4. SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

Calon yang telah memenuhi syarat iaitu dengan memenuhi Unit Kompetensi Teras (Core) layak dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia tahap 4 dan Diploma Lanjutan tahap 5

Sijil adalah berdasarkan kepada kompetensi calon dalam melaksanakan Unit Kompetensi Teras (Core) dan Unit Kompetensi Pilihan (Elektif) seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan merujuk kepada keperluan industri semasa ditakrifkan oleh kawasan pekerjaan mereka.

#### **5. KOMPETENSI PEKERJAAN**

Operasi Pengeluaran Tanaman Tahap 3 boleh terampil dalam melaksanakan kerja:

- Penyediaan Kawasan Tanaman
- Penyediaan Semaian Tanaman
- Penanaman Bahan Tanaman
- Penyelenggaraan Tanaman
- Kawalan Perosak dan Penyakit Tanaman
- Kendalian Hasil Tanaman
- Penyelenggaraan Ladang Tanaman
- Penyeliaan Operasi Pengeluaran Tanaman
- Pengeluaran Baja Organik dan Kompos

#### **6. KEADAAN TEMPAT KERJA**

Pada amnya pekerja di bidang tanaman adalah mengikut waktu kerja seperti yang ditentukan oleh organisasi / syarikat mengikut pusingan shift. Mereka juga boleh diminta untuk bekerja lebih masa mengikut keperluan. Mereka perlu bekerjasama antara satu sama lain menikut bidang dan tahap kemahiran masing-masing serta mematuhi Amalan Pertanian Baik (APB). Kebanyakan tugas yang dilakukan pada tahap ini melibatkan aktiviti-aktiviti di lapangan dan elemen-elemen 3D iaitu tahap kesukaran, kekotoran dan bahaya yang tinggi. Oleh itu langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerja perlu dititik beratkan dengan mematuhi piawaian *Occupational Safety and Health Act* (OSHA).

## 7. PROSPEK PEKERJAAN

Prospek pekerjaan wujud dalam semua organisasi yang memerlukan perkhidmatan berasaskan pertanian dalam bidang tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman lading, tanaman hiasan dan semaian termasuk kontrak dan bekalan pertanian, institusi latihan, penyelidikan dan pembangunan.

Pakar dan specialist dalam bidang tanaman mempunyai potensi yang luas. Keadaan ini disebabkan peningkatan permintaan bekalan hasil-hasil pertanian segar juga sebagai bahan mentah untuk industri asas tani. Walaupun jawatan professional ini wujud di merata tempat, tetapi kebanyakannya adalah diluar Negara.

Pada masa ini Negara mempunyai lebih daripada 5000 pengusaha yang terlibat dalam sektor pengeluaran tanaman.

Antara industri yang boleh diceburi dan mempunyai peluang pekerjaan menerusi Operasi Pengeluaran Tanaman ini adalah usahawan, tenaga pengajar, penyelia, jurujual, pakar perunding,

## 8. LATIHAN, PENGIKTIRAFAN PROFESIONAL / INDUSTRI SERTA PENINGKATAN KERJAYA DAN KELAYAKAN LAIN

Profesional dalam bidang tanaman dilatih di pusat-pusat latihan bertauliah dan juga latihan sambil bekerja (On-The-Job Training). Kebanyakan syarikat member latihan asas kepada pekerja-pekerja baru dan menghantar mereka untuk menghadiri latihan-latihan spesifik yang dianjurkan oleh pihak luar/pembekal.

## 9. SUMBER MAKLUMAT DAN RUJUKAN

1. Majlis latihan pertanian kebangsaan (NATC)  
Tingkat 3  
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani  
Blok 4G1,wisma Tani,No.28 Persiaran Perdana  
Presint 4,Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 Putrajaya.  
No tel : 03  
[www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my)
2. Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Seksyen Latihan Institut  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Tingkat 13  
Blok 4G2,wisma Tani,No.28 Persiaran Perdana  
Presint 4,Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 Putrajaya.  
No Tel : 03 88703000  
[www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

10. **PENGHARGAAN**

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak secara langsung di dalam pembangunan standard ini.

11. **AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN *STANDARD PRACTICE (SP)*, *COMPETENCY PROFILE CHART (CPC)* DAN *CURRICULUM OF COMPETENSI UNIT (CoCU)***

**OPERASI PENGELUARAN TANAMAN - TAHAP 3**

<b>PANEL EXPERTS</b>		
1.	En. Nasir Bin Ali	Pen.Pegawai Pertanian, Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Timur Jerneh Terengganu.
2.	En. Mohamad Zamir B. Ghazali	Pengurus GM Peladang Sdn Bhd
3.	En. Shamsudin Bin Che Lah	Pen.Pegawai Pertanian, Institut Pertanian Kuala Lipis
4.	En. Kamarudin B. Abdul Wahid	Pen.Pegawai Pertanian, Institut Pertanian Kuala Lipis
5.	Tn. Hj. Md. Khri Bin Mardi	Pen.Pegawai Pertanian, Institut Pertanian Ayer Hitam
6.	Pn. Azuana Binti Mat Tarmizi	Pen.Pegawai Pertanian, Institut Pertanian Titi Gantong
7.	Tn. Hj. Zainal Bin Yasim	Pengurus MIZ Development Sdn Bhd
8.	En. Poh Meow Ming	Chief operating officer Green World Genetics Sdn.Bhd
9.	En. Khairul Anuar bin Samad	Pengurus Success Agro Tech Farm Trading
10.	Ainon Dzahirah bt Zulkafli	Ahli Agronomi World Genetics Sdn.Bhd
11.	En. Ismail bin Gono	Pengurus Rilexs Enterprise
12.	Cik Nor Hidayani binti Salim	Eksekutif Pengeluaran Green World Genetics Sdn.Bhd
13.	En. Yahya bin Ali	Pen.Pegawai Pertanian,



		Jabatan Pertanian Pahang
14	En.Hedzir bin Illyasak	Pen.Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri P.Pinang
15	Cik Nur Hafizah binti Md Yunos	Ahli Agronomi World Genetics Sdn.Bhd
<b>FACILITATORS</b>		
1.	En. Yusni Amir bin Dahlan	JPK, Cyberjaya, Selangor

## COMPETENCY PROFILE CHART (CPC)

SECTOR	AGRICULTURE & AGROBASED /PERTANIAN & ASAS TANI		
SUB SECTOR	FOOD FLORICULTURE & INDUSTRIAL CROP / LANDSKAP MAKANAN & TANAMAN INDUSTRI		
NOSS AREA	CROP-FOOD & ORNAMENTAL / TANAMAN MAKANAN & HIASAN		
NOSS TITLE	CROP PRODUCTION OPERATIONS / OPERASI PENGELUARAN TANAMAN		
NOSS LEVEL	L3	JOB AREA CODE	A016-001-3:2016

← COMPETENCY → ←————— COMPETENCY UNIT —————→



## COMPETENCY PROFILE (CP)

Sub Sector	FOOD FLORICULTURE & INDUSTRIAL CROP
Job Area	CROP-FOOD AND ORNAMENTAL
NOSS Title	OPERASI PENGELUARAN TANAMAN
Level	L3

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>1. PENYEDIAAN KAWASAN TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C01	<p>Penyediaan kawasan tanaman ialah satu prosedur kerja menyediakan kawasan tapak tanaman. Prosedur ini adalah untuk menentukan kesesuaian aktiviti penanaman. Persekitaran yang kondusif dan selamat untuk aktiviti penanaman. Aktiviti penyediaan kawasan tanaman haruslah mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Skim Amalan</p>	<p>1. Bersihkan kawasan tanaman</p> <p>2. Bajak tapak tanaman</p>	<p>1.1 Jenis tanah, sempadan kawasan dan lokasi dikenalpasti</p> <p>1.2 Kawasan semak yang hendak dibersihkan ditentukan dengan menggunakan peralatan yang betul dan tebasan dilakukan</p> <p>1.3 Jenis rumpai dan racun serta peralatan yang sesuai, bagi kerja meracun dilakukan ditentukan</p> <p>1.4 Melupuskan sisa tebasan dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan dan Akta Alam Sekitar mengikut prosedur kerja</p> <p>2.1 Jentera yang sesuai dan berfungsi dengan baik diguna berdasarkan penilaian tapak</p> <p>2.2 <i>Implemen</i> yang sesuai dipilih, dipasang dan digunakan mengikut prosedur kerja</p> <p>2.3 Pembajakan dilakukan mengikut teknik dan sistem berpandukan jenis tanaman</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p>Ladang Baik Malaysia (MyGAP)</p> <p>Individu itu berkejuruan untuk membersihkan kawasan tanaman, membajak tapak tanaman, membuat batas tanaman, menyediakan lubang tanaman dan membuat parit saluran</p> <p>Hasil daripada kompetensi ini memastikan individu boleh menyediakan kawasan tanaman yang bersih daripada tumbuhan dan rumpai, kawasan tapak tanaman siap dibuat batas, permukaan tanah rata, saiz lubang, nisbah lubang dan jarak tanaman sekata dan siap dirawat mengikut manual tanaman</p>	<p>3. Buat batas dan sungkupan tanaman</p> <p>4. Sedia lubang tanaman</p> <p>5. Buat parit saluran</p>	<p>3.1 Jenis dan sistem tanaman ditentukan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.2 Saiz batas ditentukan mengikut jenis tanaman</p> <p>3.3 Menanda dan meletakkan pancang batas mengikut prosedur kerja</p> <p>3.4 Membina batas dan memasang sungkupan mengikut spesifikasi dan prosedur kerja</p> <p>4.1. Membaris dan menanda lubang tanaman menggunakan alat pengukur mengikut prosedur kerja</p> <p>4.2. Menggali lubang tanaman menggunakan alat yang sesuai mengikut prosedur kerja</p> <p>4.3. Menabur dan menyukat kuantiti kapur mengikut prosedur kerja</p> <p>4.4. Menabur dan menggaul baja mengikut prosedur kerja</p> <p>4.5. Menimbus lubang tanaman mengikut prosedur kerja</p> <p>5.1 Pelan saluran ladang difahami</p> <p>5.2 Menanda kawasan ladang mengikut pelan saluran</p> <p>5.3 Mengukur parit ladang menggunakan alat ukur mengikut prosedur kerja</p> <p>5.4 Menggali parit ladang menggunakan peralatan yang sesuai mengikut prosedur kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>2. PENYEDIAAN SEMAIAN TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C02	<p><b>Penyediaan Semaian Tanaman ialah satu prosedur kerja yang melibatkan penyediaan anak semaian sebelum ditanam ke ladang Untuk mendapatkan anak benih yang subur dan mencukupi untuk dijual dan kegunaan sendiri.</b></p> <p>Aktiviti penyediaan semaian tanaman haruslah mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (MyGAP)</p> <p><b>Individu itu berkebolehan menyediakan semaian tanaman jika berkebolehan melaksanakan tugas menyediakan tapak semaian,</b></p>	<p>1. Sedia tapak semaian</p> <p>2. Bina struktur lindungan semaian</p> <p>3. Pasang sistem pengairan</p> <p>4. Semai bahan tanaman (Biji benih, Tampang)</p>	<p>1.1 Keluasan dan lokasi tapak semaian ditentukan</p> <p>1.2 Menandakan kawasan mengikut jenis tanaman dan prosedur kerja</p> <p>1.3 Tapak semaian disediakan mengikut jenis semaian</p> <p>2.1 Pelan tapak struktur lindungan difahami</p> <p>2.2 Keluasan dan lokasi tapak struktur lindungan ditentukan</p> <p>2.3 Menandakan kawasan mengikut prosedur kerja</p> <p>2.4 Struktur lindungan dibina mengikut spesifikasi pelan struktur</p> <p>3.1 Pelan sistem pengairan tapak semaian difahami</p> <p>3.2 Jenis pengairan ditentukan</p> <p>3.3 Sistem pengairan diukur dan ditanda mengikut spesifikasi pelan</p> <p>3.4 Sistem pengairan dibina</p> <p>4.1. Jenis, bahan dan kuantiti semaian ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>4.2. Bahan tanaman dirawat mengikut jenis rawatan</p> <p>4.3. Media diisi ke dalam bekas semaian dan disusun mengikut prosedur kerja</p> <p>4.4. Bahan tanaman disemai dan disiram mengikut prosedur kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p><b>membina struktur lindungan, memasang sistem pengairan, menyemai bahan semaian, kerja-kerja penyenggaraan dan merekod aktiviti berkaitan.</b></p> <p>Hasil daripada kompetensi ini memastikan individu boleh menyediakan tapak dan alat semaian yang teguh dan saliran pengairan yang boleh digunakan untuk menyediakan bahan tanaman yang subur, bebas dari penyakit, keseragaman yang sama, peratus percambahan yang hidup mencapai 80% keatas serta mencukupi untuk keperluan ladang mengikut Amalan Pertanian Baik (APB)</p>	<p>5. Senggara anak semaian tanaman</p> <p>6. Lakukan pembiakan tampang tanaman</p> <p>7. Rekod kerja tapak semaian</p>	<p>5.1 Semaian dilabel dan direkod mengikut prosedur kerja</p> <p>5.2 Penyiraman dilakukan mengikut prosedur kerja</p> <p>5.3 Kawalan rumpai, pembajaan, cantasan dan kawalan penyakit/makhluk perosak dilakukan mengikut prosedur kerja</p> <p>5.4 Proses pengerasan (hardening) anak semaian dibuat mengikut prosedur kerja</p> <p>6.1 Jenis tanaman, kaedah pembiakan, bahan dan peralatan ditentukan mengikut prosedur kerja</p> <p>6.2 pembiakan tampang tut, cantuman, sanding, baji dan keratan dilakukan mengikut prosedur kerja</p> <p>6.3 Hasil kerja dilabel dan direkod mengikut prosedur kerja</p> <p>7.1 Format rekod semaian digunakan mengikut prosedur kerja</p> <p>7.2 Maklumat stok, prestasi semaian, penggunaan input dan perubahan cuaca diisi ke dalam format yang disediakan</p> <p>7.3 Maklumat yang telah diisi diserahkan kepada pihak pengurusan</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>3. PENANAMAN BAHAN TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C03	<p><b>Penanaman bahan tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti memindahkan anak benih terpilih dari semaian ke tapak yang ditentukan. Tanaman-tanaman adalah termasuk</b> Tanaman hiasan, Sayur sayuran, Buah-buahan dan Rumput hiasan</p> <p><b>Individu itu berkebolehan melaksanakan tugas menanam biji benih tanaman secara terus, menanam anak pokok, menyulam anak pokok dan membuat penjarangan anak tanaman</b></p>	<p>1. Tanam biji benih tanaman secara terus</p> <p>2. Tanam anak pokok (Tanaman hiasan, Sayur sayuran, Buah-buahan, Rumput hiasan)</p> <p>3. Sulam anak pokok tanaman</p> <p>4. Buat penjarangan anak tanaman</p>	<p>1.1 Memilih biji benih yang berkualiti mengikut prosedur tanaman</p> <p>1.2 Menanam biji benih mengikut prosedur kerja</p> <p>1.3 Menyiram semaian mengikut jadual kerja dan keperluan</p> <p>2.1 Anak pokok berkualiti ditentukan mengikut jenis tanaman</p> <p>2.2 Menggali lubang tanaman menggunakan alat mengikut prosedur kerja</p> <p>2.3 Menimbus dan memadatkan tanah mengikut prosedur kerja</p> <p>2.4 Menyiram anak pokok mengikut jadual kerja dan keperluan</p> <p>3.1 Jumlah anak pokok yang rosak dikenalpasti mengikut prosedur pemantauan</p> <p>3.2 Mendapatkan bahan sulaman pengganti mengikut spesifikasi</p> <p>3.3 Menanam pokok pengganti mengikut prosedur kerja</p> <p>4.1 Memeriksa pertumbuhan anak tanaman mengikut manual tanaman</p> <p>4.2 Mencabut anak tanaman yang tidak sihat dan terlalu rapat dengan cermat mengikut manual tanaman</p> <p>4.3 Kumpul dan lupus sisa tanaman mengikut prosedur kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja menanam bahan tanaman yang subur dan seragam, melakukan penjarangan mengikut jarak tanaman, melakukan penyulaman pada pokok yang rosak, berpenyakit dan terbantut mengikut spesifikasi dan manual tanaman</p>		



CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>4. PENYELENGGARAAN TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C04	<p><b>Penyelenggaraan tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti menjaga dan menyelenggara tanaman di ladang bagi memastikan kesuburan, keseragaman, kekemasan tanaman untuk menjamin hasil berkualiti mengikut Amalan Pertanian Baik</b>, haruslah mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 <b>dan</b> Akta Racun Makhhluk Perosak 1974</p> <p><b>Individu itu berketrampilan untuk menyelenggara tanaman Jika berkebolehan melaksanakan tugas memasang junjung, mencantas tunas air/daun/dahan, melakukan pemangkasan, penjarangan putik</b></p>	<p>1. Pasang junjung tanaman (Sayur-sayuran, Buah-buahan, Tanaman hiasan)</p> <p>2. Cantas tunas air/daun/dahan</p> <p>3. Lakukan pemangkasan tanaman (Pembentukan, Penjagaan, Pemulihan)</p>	<p>1.1 Jenis tanaman ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>1.2 Jenis junjung dan bahan yang sesuai dipilih mengikut manual tanaman</p> <p>1.3 Langkah kerja memasang junjung dipatuhi mengikut prosedur kerja</p> <p>2.1 Mengenalpasti tunas air/daun/dahan yang perlu dipangkas mengikut spesifikasi</p> <p>2.2 Peralatan memotong dirawat mengikut prosedur kerja</p> <p>2.3 Memotong bahagian yang tidak diperlukan mengikut prosedur kerja</p> <p>2.4 Merawat bahagian yang dipotong mengikut prosedur kerja</p> <p>2.5 Melupuskan sisa cantasan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.1 Jenis pemangkasan ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>3.2 Peralatan dan bahan yang digunakan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.3 Langkah kerja pemangkasan dipatuhi mengikut spesifikasi kerja</p> <p>3.4 Bekas pangkasan dirawat mengikut manual tanaman</p> <p>3.5 Sisa pangkasan dikumpul dan dilupuskan mengikut amalan pertanian baik (GAP)</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p><b>buah dan bunga tanaman hiasan, merangsang pertumbuhan tanaman, membina sistem pencahayaan, membuat pendebungaan berbantu, menyampul buah dan bunga, mengawal rumpai dan membaja tanaman</b></p> <p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi menghasilkan junjung yang teguh, pokok yang subur dan seragam dan menghasilkan kualiti buah/bunga yang sekata mengikut spesifikasi dan manual tanaman</p>	<p>4. Lakukan penjarangan putik buah dan bunga tanaman hiasan</p> <p>5. Rangsang pertumbuhan tanaman</p> <p>6. Bina sistem pencahayaan</p>	<p>4.1. Jenis penjarangan ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>4.2. Peralatan dan bahan yang digunakan mengikut prosedur kerja</p> <p>4.3. Kerja penjarangan dilakukan mengikut manual tanaman</p> <p>4.4. Sisa penjarangan dikumpul dan dilupuskan mengikut amalan pertanian baik (GAP)</p> <p>5.1. Jadual penyemburan hormon diikuti</p> <p>5.2. Jenis tanaman dan hormone ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>5.3. Hormon dibancuh mengikut sukatan dilabel</p> <p>5.4. Hormon disemur mengikut prosedur kerja</p> <p>5.5. Aktiviti penyemburan hormon direkod</p> <p>6.1. Jenis dan umur tanaman ditentukan mengikut permintaan pasaran</p> <p>6.2. Pelan rekabentuk sistem pencahayaan difahami</p> <p>6.3. Bahan dan keperluan system pencahayaan disediakan mengikut spesifikasi pelan</p> <p>6.4. Sistem pencahayaan dipasang mengikut spesifikasi dan prosedur kerja</p> <p>6.5. Sistem pencahayaan diuji, diatur dan direkod keberkesanan pencahayaan mengikut spesifikasi kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
			7. Buat pendebungaan berbantu	7.1 Jenis tanaman,tempoh, masa dan teknik pendebungaan ditentukan mengikut manual tanaman 7.2 Kerja-kkerja pendebungaan dibuat mengikut spesifikasi kerja dan manual tanaman 7.3 Keberkesanan pendebungaan dipantau dan direkod ke dalam format yang disediakan
			8. Menyampul buah dan bunga	8.1 Jenis tanaman, tempoh, masa dan teknik menyampul mengikut manual tanaman 8.2 Kerja-kkerja menyampul buah dan bunga dibuat spesifikasi kerja dan manual tanaman 8.3 Aktiviti menyampul dipantau dan direkod ke dalam format yang disediakan
			9. Mengawal rumpai	9.1 Kawasan dan teknik kawalan rumpai ditentukan mengikut prosedur kerja 9.2 Kerja-kkerja kawalan rumpai dibuat mengikut spesifikasi dan manual kerja 9.3 Sisa rumpai dikumpul dan dilupus mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) 9.4 Aktiviti kawalan rumpai dipantau dan direkod ke dalam format yang disediakan

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
			<p>10. Membaja tanaman (Sayur-sayuran, Buah-buahan, Tanaman hiasan, Rumput hiasan)</p>	<p>10.1 Jenis/umur tanaman, jenis, kaedah, kadar dan unsur baja ditentukan mengikut prosedur kerja dan manual tanaman</p> <p>10.2 Kerja- kerja membaja tanaman dibuat mengikut spesifikasi dan manual tanaman</p> <p>10.3 Aktiviti membaja tanaman dipantau dan direkod ke dalam format yang disediakan</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>5. KAWALAN PEROSAK DAN PENYAKIT TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C05	<p><b>Kawalan perosak dan penyakit tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti mencegah, mengawal perosak/penyakit yang menyerang tanaman seperti virus, bakteria, kulat haiwan dan serangga dengan cara kawalan kultura, biologi dan kimia.</b></p> <p>haruslah mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)</p> <p><b>Individu itu berketrampilan untuk mengawal perosak dan penyakit Jika berkebolehan melaksanakan tugas membina struktur persekitaran terkawal (SPT),</b></p>	<p>1. Bina struktur persekitaran terkawal (SPT)</p> <p>2. Banci perosak dan penyakit tanaman</p> <p>3. Pasang perangkap serangga</p>	<p>1.1 Jenis tanaman, rekabentuk struktur, peralatan dan bahan ditentukan mengikut spesifikasi kerja</p> <p>1.2 Tapak struktur ditanda dan komponen struktur persekitaran terkawal dipasang</p> <p>1.3 Struktur dan kefungsiian SPT diuji mengikut prosedur kerja</p> <p>2.1 Borang bancian perosak dan penyakit tanaman diteliti dan difahami</p> <p>2.2 Peralatan diagnostik diperolehi mengikut spesifikasi dan prosedur kerja</p> <p>2.3 Lokasi dan jenis tanaman ditentukan mengikut pelan ladang</p> <p>2.4 Keseluruhan persekitaran ladang dan tanaman diperiksa mengikut prosedur kerja</p> <p>2.5 Simptom penyakit dan perosak ditentukan mengikut prosedur kerja</p> <p>2.6 Maklumat bancian dilengkapkan mengikut format yang telah disediakan</p> <p>2.7 Sampel dikumpul, dilabel dan dihantar ke makmal</p> <p>3.1 Perangkap ditentukan mengikut jenis serangga</p> <p>3.2 Peralatan dan bahan perangkap serangga disediakan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.3 Perangkap serangga diletakkan ditempat yang ditentukan mengikut spesifikasi dan prosedur kerja</p> <p>3.4 Perangkap serangga disenggara mengikut prosedur kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p><b>membanci perosak dan penyakit tanaman, memasang perangkap serangga, menyemur racun makhluk perosak, melakukan pensetoran racun dan melupuskan bekas racun makhluk perosak dengan betul</b></p> <p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja menghasilkan struktur persekitaran terkawal yang teguh, tanaman bebas dari penyakit, perosak bagi memastikan tanaman sihat dan subur mengikut spesifikasi dan manual tanaman</p>	<p>4. Sembur racun makhluk perosak</p>	<p>4.1. Jenis racun makhluk perosak ditentukan mengikut spesifikasi kerja</p> <p>4.2. Racun dan alat penyemur disediakan mengikut spesifikasi dan prosedur kerja</p> <p>4.3. Bancuh racun mengikut arahan pada label</p> <p>4.4. Sembur racun mengikut Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Amalan Pertanian Baik dan Seksyen 24 OSHA</p> <p>4.5. Alat penyemur dicuci, dikering dan disimpan mengikut Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Amalan Pertanian Baik dan Seksyen 24 OSHA</p> <p>4.6. Bekas dan baki racun disimpan mengikut Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Amalan Pertanian Baik dan Seksyen 24 OSHA</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>6. KENDALIAN HASIL TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C06	<p><b>Kendalian hasil tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti menuai, mengumpul, merawat mengeringkan, mengred, menyimpan dan menjual hasil tanaman secara manual dan mekanisasi berdasarkan kehendak pasaran</b> haruslah mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)</p> <p><b>Individu itu berketrampilan untuk mengendali hasil tanaman jika berkebolehan melaksanakan tugas menuai hasil tanaman dan melaksanakan aktiviti pascatuai</b></p>	<p>1. Tuai hasil tanaman</p> <p>2. Kendali hasil pascatuai</p> <p>3. Simpan hasil tuaian</p> <p>4. Sediakan keperluan jualan</p>	<p>1.1 Lokasi, jenis tanaman, kaedah penuaian, indeks kematangan dan peralatan ditentukan mengikut manual tanaman</p> <p>1.2 Kerja menuai, mengumpul dan mengangkut hasil ke pusat pengumpulan dilaksanakan mengikut prosedur kerja</p> <p>1.3 Hasil tuaian direkod ke dalam format yang disediakan</p> <p>2.1 Peralatan dan bahan dipilih mengikut spesifikasi kerja</p> <p>2.2 Kerja-karya pengasingan, pembersihan, pengeringan, penggredan, rawatan, pembungkusan dan perlabelan dilaksanakan mengikut jenis tanaman dan piawaian FAMA (3P)</p> <p>2.3 Hasil tuaian disusun dan disimpan mengikut prosedur kerja</p> <p>2.4 Hasil tuaian direkod ke dalam format yang disediakan</p> <p>3.1 Hasil dikenalpasti dan ditentukan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.2 Jenis penyimpanan dan kaedah ditentukan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.3 Hasil tanaman direkod kedalam format yang disediakan.</p> <p>4.1 Jenis, kuantiti dan harga hasil yang sedia untuk dijual dikenalpasti</p> <p>4.2 Bahan, peralatan, lokasi jualan, dan logistik ditentukan</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja Penuaian hasil menggunakan kaedah pascatuai dan menyimpan hasil ditempat penyimpanan yang dikhaskan bagi menjaga kualiti hasil tanaman mengikut spesifikasi, manual dan piawaian pengredan, pembungkusan dan pelabelan (FAMA 3P)</p>	<p>5. Jual hasil tanaman</p>	<p>4.3 Hasil dan keperluan dihantar ke tapak jualan mengikut jadual jualan</p> <p>5.1 Peralatan dan bahan jualan disusun atur dengan kemas di tapak jualan</p> <p>5.2 Tanda harga dipamerkan mengikut jenis hasil</p> <p>5.3 Hasil tanaman telah dijual dan bayaran diterima secara tunai</p>



CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>7. PENYELENGGARAAN LADANG TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C07	<b>Penyelenggaraan ladang tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti menyenggara infrastruktur, tanah, saliran, peralatan, jentera ladang dan mengurus pembaikan jentera besar supaya operasinya berterusan, selamat dan tersusun dengan mematuhi Akta Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Racun MakhluK Perosak 1974 dan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Senggara infrastruktur ladang</li> <li>2. Senggara pemulihan tanah bermasalah</li> <li>3. Senggara peralatan/jentera kecil pertanian</li> <li>4. Urus kerja pembaikan besar jentera pertanian</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.1 Infrastruktur ladang diperiksa dan diselenggara secara berkala mengikut prosedur kerja dan direkodkan</li> <li>2.1 Maklumat tanah dan hasil tanaman diperolehi daripada rekod ladang dan hasil analisa</li> <li>2.2 Kawasan tanah bermasalah dikenalpasti daripada rekod ladang dan hasil analisa</li> <li>2.3 Kerja-kerja pemulihan tanah dilakukan menggunakan kaedah, peralatan dan bahan yang disyorkan</li> <li>3.1 Manual jentera dan buku log disemak</li> <li>3.2 Jentera kecil pertanian diservis dan dibaik pulih mengikut manual jentera dan manual operasi kerja bengkel</li> <li>3.3 Aktiviti senggaraan direkod ke dalam buku log jentera.</li> <li>4.1. Manual jentera dan buku log disemak</li> <li>4.2. Kerosakan jentera dikenalpasti, anggaran kos pembaikan diperolehi dan jentera dihantar ke bengkel untuk kerja pembaikan</li> <li>4.3. Laporan kerja pembaikan yang dilakukan direkod ke dalam buku log</li> </ol>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		<p><b>Individu itu berkebolehan melaksanakan tugas seperti</b>  Senggara infrastruktur ladang,  Pemulihan tanah, baik pulih peralatan/jentera kecil pertanian dan urus kerja pembaikan besar jentera pertanian</p> <p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja Penyenggaraan infrastruktur dan jentera ladang mengikut prosedur dan spesifikasi yang ditetapkan</p>		

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>8. PENYELIAAN OPERASI PENGELUARAN TANAMAN</b>	A016-001-3:2016 C08	<p><b>Penyeliaan operasi pengeluaran tanaman ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti menilai, melapor, merekod, menyelenggara, merancang dan Supaya organisasi dapat berfungsi secara berhemah dan berterusan</b></p> <p><b>Individu itu berketrampilan untuk menyelia ladang jika berkebolehan melaksanakan tugas pembangunan ladang, pengeluaran hasil, penyenggaraan, keselamatan dan kesihatan pekerja serta menyediakan laporan prestasi kakitangan bawahan</b></p> <p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja memantau, menilai dan</p>	<p>1. Laksana mesyuarat/taklimat</p> <p>2. Sediakan laporan penilaian pekerja</p> <p>3. Rancang keperluan tenaga kerja</p> <p>4. Urus pengeluaran hasil tanaman</p> <p>5. Selaras penyelenggaraan mesin dan peralatan</p> <p>6. Sedia rekod pengeluaran hasil</p>	<p>1.1 Jadual mesyuarat dan agenda di sediakan</p> <p>1.2 Kumpulan sasaran dimaklumkan</p> <p>1.3 Minit sebelum disahkan</p> <p>1.4 Minit mesyuarat direkod dan dicatatkan</p> <p>2.1 KPI dibangunkan</p> <p>2.2 KPI dimaklum dan difahami</p> <p>2.3 Prestasi pekerja diteliti</p> <p>2.4 Penilaian Kakitangan dibuat mengikut prestasi kerja</p> <p>2.5 Bincang dan rekod prestasi pekerja</p> <p>3.1 Jenis dan jumlah tenaga kerja ditentukan</p> <p>3.2 Agihan tenaga kerja ditentukan</p> <p>4.1 Jenis dan kuantiti hasil tanaman ditentukan</p> <p>4.2 Jenis peralatan ditentukan</p> <p>4.3 Jadual hasil dikeluarkan</p> <p>4.4 Jadual penyelenggaraan mesin diperolehi</p> <p>5.1 Tentukan pihak yang bertanggungjawab</p> <p>5.2 Pemeriksaan mesin dilakukan</p> <p>5.3 Jadual pemeriksaan mesin disediakan</p> <p>5.4 Rekod hasil penyelenggaraan mesin</p> <p>6.1 Proses pengeluaran dan tugas ditentukan</p> <p>6.2 Skop kerja ditentukan mengikut hasil tanaman</p> <p>6.3 Rekod hasil pengeluaran.</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
		melapor prestasi ladang dan pekerja mengikut prosedur kerja	<p>7. Selaras hasil buangan</p> <p>8. Laksana program bimbingan dan kaunseling kepada pekerja</p> <p>9. Lakukan Inventori stok</p>	<p>7.1 Jenis sisa dikategori</p> <p>7.2 Kaedah pelupusan sisa dikenalpasti</p> <p>7.3 Pelupusan sisa yang diberi dilaksanakan</p> <p>7.4 Hasil pelupusan sisa direkodkan</p> <p>8.1 Peningkatan keperluan bagi setiap kakitangan dikenal pasti dan dimaklumkan.</p> <p>8.2 Jadual latihan dan kaunseling disediakan</p> <p>8.3 Keberkesanan bimbingan dan kaunseling yang disediakan adalah disahkan.</p> <p>8.4 Hasil kerja direkodkan</p> <p>9.1 Tatacara pengurusan inventori harta modal dan harta inventori dikenalpasti mengikut MYGAP.</p> <p>9.2 Rekod penerimaan, pendaftaran, penyimpanan, pengeluaran dan pemeriksaan rekod inventori ladang diperolehi mengikut prosedur stor</p> <p>9.3 Jumlah, jenis dan tarikh telah diperiksa mengikut prosedur kerja.</p> <p>9.4 Laporan pemeriksaan stok mengandungi cadangan belian, pelupusan, penggantian dan pembaikan disediakan mengikut organisasi</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
<b>9. PENGELUARAN BAJA ORGANIK DAN KOMPOS</b>	A016-001-3:2016 C09	<p><b>Pengeluaran baja organik dan kompos ialah satu prosedur kerja melibatkan aktiviti menghasilkan baja organik dari sisa tanaman untuk memastikan pertumbuhan tanaman yang subur bagi tujuan kegunaan sendiri dan pasaran.</b></p> <p><b>Individu itu berketrampilan untuk mengeluarkan baja organik jika berkebolehan melaksanakan tugas menyediakan</b> kompos, baja organik, penstoran dan pemasaran hasil baja kompos dan baja organik</p> <p>Hasil daripada kompetensi ini individu boleh melaksanakan kerja-kerja pengeluaran baja organik dan kompos mengikut spesifikasi serta sedia digunakan</p>	<p>1. Sediakan keperluan pengeluaran baja organik dan kompos</p> <p>2. Sedia kompos</p> <p>3. Sedia baja organik</p>	<p>1.1 pengeluaran baja ditentukan dari permintaan</p> <p>1.2 bahan dan sumber bekalan diperolehi untuk menghasilkan pengeluaran</p> <p>1.3 kaedah manual atau mekanisasi digunakan mengikut kuantiti pengeluaran</p> <p>2.1 Lokasi dan ukuran tapak kitaran tanaman ditentukan mengikut spesifikasi kerja</p> <p>2.2 Bahan, sisa dan peralatan ditentukan mengikut manual kompos</p> <p>2.3 Kerja-kerja pereputan sisa ladang dilakukan dengan menggunakan kaedah manual dan mesin</p> <p>2.4 Susun sisa ladang secara berlapis bersama bahan campuran tambahan mengikut spesifikasi</p> <p>2.5 Suhu dan kelembapan diperiksa mengikut manual membuat kompos</p> <p>2.6 Periksa kejayaan hasil kompos</p> <p>3.1 Tapak kitaran semula tanaman, sumber asas dan bahan ditentukan mengikut spesifikasi kerja</p> <p>3.2 Kerja-kerja menggaul dan memeram bahan mengikut prosedur kerja</p> <p>3.3 Baja organik dikeringkan, dihancurkan, dibungkus dan disimpan mengikut prosedur kerja</p>

CU Title	CU Code	CU Descriptor	CU Work Activities	Performance Criteria
			<p>4. Lakukan penstoran hasil baja organik dan kompos</p> <p>5. Lakukan pasaran hasil baja kompos dan baja organik</p>	<p>4.1 Baja diasingkan mengikut jenis dan kuantiti</p> <p>4.2 Sistem pengudaraan, suhu dan pencahayaan di dalam stor terkawal mengikut prosedur kerja</p> <p>4.3 Label baja mengikut jenis, disusun dengan teratur mengikut prosedur kerja dan stor terkawal</p> <p>5.1 Lokasi pasaran dan permintaan dikenalpasti promosi dilakukan mengikut jenis bajalogistik disediakan mengikut permintaan. Hasil baja dijual dan direkod.</p>

## CURRICULUM of COMPETENCY UNIT (CoCU)

<b>Sub Sector</b>	<b>FOOD FLORICULTURE &amp; INDUSTRIAL CROP</b>						
<b>Job Area</b>	<b>CROP-FOOD AND ORNAMENTAL</b>						
<b>NOSS Title</b>	<b>OPERASI PENGELUARAN TANAMAN</b>						
<b>Competency Unit Title</b>	<b>PENYEDIAAN KAWASAN TANAMAN</b>						
<b>Learning Outcome</b>	<p>Seseorang yang kompeten dalam CU ini akan dapat memastikan individu boleh menyediakan kawasan tanaman yang bersih daripada tumbuhan dan rumpai,kawasan tapak tanaman siap dibuat batas,permukaan tanah rata,saiz lubang,nisbah lubang dan jarak tanaman sekata dan siap dirawat mengikut manual tanaman Setelah selesai menjalani unit kompetensi ini pelatih mesti boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersihkan kawasan tanaman</li> <li>• Bajak tapak tanaman</li> <li>• Buat batas dan sungkupan tanaman</li> <li>• Sedia lubang tanaman</li> <li>• Buat parit saluran</li> </ul>						
<b>Competency Unit ID</b>	A016-001-3:2016 C01	<b>Level</b>	3	<b>Training Duration</b>	213	<b>Credit Hours</b>	21.3

<b>Work Activities</b>	<b>Related Knowledge</b>	<b>Related Skills</b>	<b>Attitude / Safety / Environmental</b>	<b>Training Hours</b>	<b>Delivery Mode</b>	<b>Assessment Criteria</b>
1. Bersihkan kawasan tanaman	i. Jenis-jenis peta <ul style="list-style-type: none"> <li>• topografi</li> <li>• kadestrial</li> <li>• siri tanah</li> </ul> ii. Jenis – jenis pelan <ul style="list-style-type: none"> <li>• pelan kawasan</li> <li>• pelan tanaman</li> </ul> iii. Peralatan dan kegunaan <ul style="list-style-type: none"> <li>• manual</li> <li>• mekanisasi</li> </ul>	i. Kenalpasti kawasan dan peralatan ii. Bersih semak samun iii. Racun rumpai iv. Lupus sisa terbang	<u>Attitude:</u> i. Bertanggungjawab semasa mengendalikan jentera pertanian  <u>Safety:</u> i. Patuhi arahan keselamatan	<u>Related Knowledge:</u>  7  <u>Related Skills:</u>  22	<u>Related Knowledge:</u>  Syarahan  <u>Related Skills:</u>  Demonstrasi dan praktikal	i. Jenis peta dan pelan difahami  ii. Kaedah pembersihan dan pelupusan sisa dapat dilaksanakan mengikut pelan kawasan dan tanaman

Work Activities	Related Knowledge	Related Skills	Attitude / Safety / Environmental	Training Hours	Delivery Mode	Assessment Criteria
	iv. Kaedah pembersihan dan pelupusan sisa <ul style="list-style-type: none"> <li>• menebang</li> <li>• menebas</li> <li>• menarah</li> <li>• meracun</li> <li>• menimbus</li> <li>• membakar</li> </ul> v. Jenis rumpai <ul style="list-style-type: none"> <li>• daun lebar</li> <li>• daun tirus</li> </ul> vi. Kategori racun <ul style="list-style-type: none"> <li>• sumber</li> <li>• kelas</li> <li>• tindakan</li> <li>• jenis</li> </ul>		<u>Environmental:</u> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. mematuhi akta alam sekitar 1974               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembakaran secara terbuka</li> </ul> </li> <li>ii. Akta racun makhluk perosak 1974               <ul style="list-style-type: none"> <li>• penggunaan racun berdaftar</li> </ul> </li> </ol>			iii. Pemilihan peralatan mengikut spesifikasi kerja  iv. Kategori racun telah ditentukan mengikut jenis rumpai



Work Activities	Related Knowledge	Related Skills	Attitude / Safety / Environmental	Training Hours	Delivery Mode	Assessment Criteria
2. Bajak tapak tanaman	i. Jentera membajak <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis</li> <li>• Tujuan</li> <li>• Fungsi</li> </ul> ii. Jenis-jenis implemen <ul style="list-style-type: none"> <li>• pembajak</li> <li>• penggembur</li> <li>• pembatas</li> <li>• penyikat</li> </ul> iii. Kaedah dan teknik membajak <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>plough</i></li> <li>• <i>harrow</i></li> <li>• <i>rotor</i></li> </ul>	i. Kenalpasti jenis jentera dan Implemen ii. Pasang implement iii. Tentukan teknik membajak iv. Lakukan pembajakan tanah	<u>Attitude:</u> i. Berhati – hati semasa mengendalikan jentera  <u>Safety:</u> i. Patuhi arahan keselamatan semasa mengendalikan jentera  <u>Environmental:</u>	<u>Related Knowledge:</u>  12  <u>Related Skills:</u>  72	<u>Related Knowledge:</u>  Syarahan  <u>Related Skills:</u>  Demonstrasi dan praktikal	i. Jenis jentera dan implemen Traktor 2 dan 4 roda di tentukan dan disenarai mengikut prosedur kerja.  ii. Implemen untuk 2 roda dan 4 roda telah ditentukan kefungsiannya mengikut manual jentera  iii. Teknik membajak <i>plough</i> , <i>harrow</i> dan <i>rotor</i> telah dipilih dan disenaraikan mengikut langkah kerja  iv. Tanah telah digembur dan berbatas mengikut spesifikasi tanaman

Work Activities	Related Knowledge	Related Skills	Attitude / Safety / Environmental	Training Hours	Delivery Mode	Assessment Criteria
3. Buat batas dan sungkupan tanaman	i. Batas dan sungkupan <ul style="list-style-type: none"> <li>• jenis batas</li> <li>• kaedah mengukur dan menanda batas</li> <li>• kaedah membuat batas</li> <li>• jenis, bahan sungkupan</li> <li>• kaedah memasang sungkupan</li> </ul>	i. Ukur batas ii. Tanda batas iii. Buat batas iv. Buat sungkupan	<u>Attitude:</u> i. berhati – hati semasa mengendalikan jentera  <u>Safety:</u> i. Patuhi arahan keselamatan  <u>Environmental:</u>	<u>Related Knowledge:</u>  6  <u>Related Skills:</u>  36	<u>Related Knowledge:</u>  Syarahan  <u>Related Skills:</u>  Demonstrasi dan praktikal	i. saiz ukuran batas telah dibuat, penanda telah dipasang dan batas dibina mengikut spesifikasi tanaman  ii. Bahan dan kaedah sungkupan telah ditentukan dan dipasang mengikut spesifikasi dan manual tanaman

Work Activities	Related Knowledge	Related Skills	Attitude / Safety / Environmental	Training Hours	Delivery Mode	Assessment Criteria
